

Sekolah tahfiz tidak tepati keselamatan akan ditutup - Noh

TANJONG KARANG 15 Sept - Kerajaan akan bertindak tegas ke atas pengusaha sekolah tahfiz, pondok, agama rakyat atau mana-mana institusi pendidikan dengan menutupnya daripada beroperasi jika didapati bangunan yang diduduki tidak menepati spesifikasi keselamatan seperti disyaratkan pihak berkuasa.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, langkah tegas itu perlu diambil bagi mengelakkan kejadian tragis yang menimpa Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur semalam, sehingga meragut 23 nyawa iaitu 21 pelajar dan dua guru berulang pada masa hadapan.

Bagaimanapun katanya, langkah menutup institusi berkenaan hanya akan dikuatkuasakan selepas pemeriksaan dibuat Jabatan Bomba dan Penyelamat terlebih dahulu dan sekiranya terdapat kelemahan dalam aspek keselamatan bangunan, pengusaha diminta membaikinya sebelum tindakan diambil jika masih gagal berbuat demikian.

"Bagi maksud itu, saya telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat di seluruh negeri agar membuat pemeriksaan ke atas setiap sekolah tahfiz, pondok, agama rakyat dan institusi pendidikan untuk memastikan setiap bangunan atau asrama yang didiami selamat serta menepati pi-



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menziarahi anggota keluarga mangsa kebakaran di Institut Perubatan Forensik Negara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

awaiian pihak berkuasa," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Semalam, negara dikejutkan dengan kejadian kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang membunuh 23 nyawa sehingga seluruh rakyat melahirkan kesedihan.

Terdahulu beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor mengunjungi kepada lima buah keluarga yang kurang bernasib baik di Kampung Sungai Tengi Kanan Baroh di sini.